



**SOALAN LAZIM BERKAITAN PELAKSANAAN FI PEMROSESAN RM10.00 KE ATAS SEMUA SURAT CARA YANG TIDAK DIKENAKAN DUTI SETEM**

**(FI PEMROSESAN)**

**( Dikeluarkan pada 02 JANUARI 2022 )**

**A. UMUM**

Bil.	Soalan	Maklum Balas												
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan fi pemprosesan permohonan penyeteman?	<p>Fi pemprosesan permohonan penyeteman adalah fi RM10.00 yang dikenakan ke atas surat cara yang tidak dikenakan duti setem di bawah Subseksyen 37(2A) Akta Setem 1949.</p> <p>Contoh:</p> <table border="1"><thead><tr><th>Perjanjian Perkhidmatan Kepada Kerajaan Malaysia</th><th>Nilai Balasan / Duti Setem (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>Nilai kontrak atau balasan</td><td>5,000,000.00</td></tr><tr><td>Duti setem sepatutnya dikenakan [0.1% daripada nilai balasan di bawah Perintah Duti Setem (Peremitan) 2021 P.U.(A) 428]</td><td>5,000.00</td></tr><tr><td>Duti setem dikecualikan di bawah Pengecualian Am (Seksyen 35)</td><td>5,000.00</td></tr><tr><td>Duti kena dibayar</td><td>Dikecualikan/ Tiada</td></tr><tr><td>Fi pemprosesan dikenakan</td><td>10.00</td></tr></tbody></table>	Perjanjian Perkhidmatan Kepada Kerajaan Malaysia	Nilai Balasan / Duti Setem (RM)	Nilai kontrak atau balasan	5,000,000.00	Duti setem sepatutnya dikenakan [0.1% daripada nilai balasan di bawah Perintah Duti Setem (Peremitan) 2021 P.U.(A) 428]	5,000.00	Duti setem dikecualikan di bawah Pengecualian Am (Seksyen 35)	5,000.00	Duti kena dibayar	Dikecualikan/ Tiada	Fi pemprosesan dikenakan	10.00
Perjanjian Perkhidmatan Kepada Kerajaan Malaysia	Nilai Balasan / Duti Setem (RM)													
Nilai kontrak atau balasan	5,000,000.00													
Duti setem sepatutnya dikenakan [0.1% daripada nilai balasan di bawah Perintah Duti Setem (Peremitan) 2021 P.U.(A) 428]	5,000.00													
Duti setem dikecualikan di bawah Pengecualian Am (Seksyen 35)	5,000.00													
Duti kena dibayar	Dikecualikan/ Tiada													
Fi pemprosesan dikenakan	10.00													
2.	Adakah semua jenis permohonan penyeteman dikenakan fi pemprosesan?	Mana-mana surat cara yang dikecualikan duti setem akan dikenakan fi pemprosesan dan ianya tidak terhad kepada jenis permohonan penyeteman atau kategori surat cara.												
3.	Adakah fi pemprosesan akan dikenakan ke atas surat cara subsidiari?	Fi pemprosesan tidak dikenakan ke atas surat cara subsidiari kerana kadar duti setem ke atas subsidiari adalah 1/5 daripada amaun duti atas prinsipal dan maksimum RM10.00. Fi pemprosesan hanya akan dikenakan ke atas surat cara yang mana amaun duti asal melebihi RM10.00 dan duti tersebut dikecualikan atau diremit sepenuhnya.												

Bil.	Soalan	Maklum Balas
4.	Apakah kaedah pembayaran yang boleh digunakan untuk membayar fi pemprosesan?	Pembayaran fi pemprosesan boleh dibuat melalui bayaran secara tunai, bank draf, cek anak guam atau perbankan dalam talian.
5.	Adakah Setem Hasil boleh digunakan untuk membayar fi pemprosesan?	Setem Hasil tidak boleh digunakan untuk membayar fi pemprosesan.
6.	Bilakah tarikh bermulanya pengenaan fi pemprosesan?	Fi pemprosesan akan dikenakan ke atas permohonan penyetakan yang dikemukakan mulai 03 Januari 2022.

**Nota:**

FAQ ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan dan maklumat tambahan.

